

Publication : **Berita Harian**
Date : 24 April 2012
Section : Johor
Page : 14
Headline : Rumah Gaya Hidup Hijau Jadi Pilihan



KIM HIANG (dua dari kiri) bergambar di hadapan rumah contoh pada Majlis Pelancaran The Alder Residences di Taman Pulau Hijauan, Johor Bahru.

Rumah gaya hidup hijau jadi pilihan

JOHOR BAHRU: Pemaju hartanah, Hua Yang Berhad (Hua Yang) memperluaskan kehadirannya ke negeri ini dengan membangunkan gaya hidup hijau melalui projek The Alder Residences di Taman Pulau Hijauan, dekat sini.

Pengurus Cawangan Hua Yang Johor Bahru, Soo Kim Hiang, berkata projek terbaru itu membabitkan pembangunan kasar (GDV) RM70 juta itu adalah projek pembangunan yang kedua syarikat berkenaan di negeri ini selepas Taman Pulau Indah yang berjaya disiapkan dengan jumlah GDV bernilai RM818 juta.

Katanya, Taman Pulau Hijauan di kawasan 56 hektar itu terletak di kawasan Iskandar Malaysia dan dijual dengan harga mampu milik RM250,000 hingga RM400,000 untuk golongan berpendapatan sederhana.

“Harga yang ditawarkan itu mem-

buktikan kehidupan yang lebih baik tidak semestinya dapat dimiliki pada harga yang tinggi, kerana rumah The Alder Residences menyediakan rumah empat bilik dengan tiga bilik air, selain kawalan keselamatan 24 jam.

“Pembeli pasti akan tertarik dengan reka bentuk kontemporari dan pelbagai ciri The Alder Residences termasuk paras siling tinggi untuk memaksimumkan penggunaan ruang dan tingkat langit bagi pencahayaan semula jadi,” katanya.

Kim Hiang berkata, projek itu akan dibangunkan dengan mementingkan persekitaran hijau dan semula jadi bersesuaian dengan pemilihan nama taman berkenaan, malah pihaknya turut memberikan jaminan bahawa setiap perancangan projek berkenaan akan mengambil kira usaha mengekalkan persekitaran landskap hijau.